

“Untuk maklumat Yang Berhormat, sebagai langkah kawalan, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain perniagaan menggunakan lesen milik penduduk tempatan.

“Kementerian sudah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh PBT pada 30 Jun 2008 menyatakan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang perlu dipatuhi oleh peniaga kecil,” katanya.

BH dalam laporan eksklusifnya sebelum ini melaporkan kumpulan kongsi gelap dipercayai menjadi pelindung kepada pendatang asing di kebanyakan pasar borong, terutama di Lembah Klang bagi memastikan perniagaan mereka ‘kebal’ daripada tindakan pihak berkuasa.

Mereka dikatakan menguasai tapak niaga tidak berlesen di luar pasar borong utama serta mendakwa mereka mewakili persatuan peniaga dan penjaja tertentu.